

Ringkasan Persidangan Umum April 2021 Sesi Hari Ahad

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Persidangan umum Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah acara setengah tahunan di mana para nabi, rasul dan pemimpin Gereja lain berkongsi pesanan kasih dan harapan yang berpusat pada Kristus. Persidangan ke-191 pada 4-5 April 2021 bersifat digital dan disiarkan dari Temple Square di Salt Lake City. Halaman ini memberikan penekanan khutbah persidangan.

[Sesi Pagi Hari Ahad](#)

[Sesi Petang Hari Ahad](#)

Untuk menonton sesi hari Sabtu dan Ahad sepenuhnya, sila klik [sini](#).



[Sesi Pagi Hari Ahad](#)

Sesi pagi hari Ahad adalah secara antarabangsa, menggambarkan Gereja global. Setiap pembicara berasal dari negara yang berbeza — dan muzik yang dirakam dipersembahkan oleh pelbagai koirsuara dari seluruh dunia yang menyanyi dalam bahasa ibunda mereka.

Presiden [Russell M. Nelson](#) melabuhkan perhimpunan hari Sabat Persidangan Umum Tahunan ke-191 dan menjemput semua orang untuk meningkatkan iman. “Melalui iman anda, Yesus Kristus akan meningkatkan kemampuan anda untuk mengalihkan bukit dalam hidup anda, meskipun cabaran peribadi anda sebesar Gunung Everest.”

Elder [Ulisses Soares](#) dari Kuorum Dua Belas Rasul, dan berasal dari Brazil, mengatakan Juruselamat adalah pengasuh semua jiwa dan lengan-Nya menjangkau semua yang mencari-Nya. Dia mengatakan bahawa melalui Kristus, para pengikut-Nya dapat mengalami “perubahan minda dan hati yang kuat” — membawa sikap segar terhadap Tuhan dan kehidupan. Elder [S. Mark Palmer](#) kelahiran New Zealand, seorang Penguasa Umum Tujuh Puluh, mengatakan bahawa pengetahuan tentang Kebangkitan Kristus memberi makna dan tujuan hidup. “Saya menjemput semua yang merasa sedih, semua yang bergelut dengan keraguan, semua yang bertanya-tanya apa yang terjadi selepas kita mati, untuk meletakkan iman anda dalam Kristus.” Sister [Reyna Isabel Aburto](#), warganegara Nicaragua dan

penasihat kedua dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan mengajarkan bahawa melalui Korban Tebusan yang menebus dan Kebangkitan Yesus Kristus yang agung, “hati yang hancur dapat disembuhkan, kepedihan dapat jadi kedamaian, dan putus asa dapat jadi harapan.”

Seorang penduduk asli Zimbabwe dan Penguasa Umum Tujuh Puluh, Elder [Edward Dube](#) mengajar bahawa individu dapat menghadapi cabaran kefanaan dengan terus maju dengan iman kepada Bapa Syurgawi dan Putera-Nya. Dia menjemput semua “untuk tidak berputus asa!” Elder [Jose A. Teixeira](#) dari Presidensi Tujuh Puluh, yang berasal dari Portugal, menekankan bahawa mengetahui bahawa kita adalah anak-anak Tuhan adalah langkah pertama untuk kembali ke rumah syurgawi kita. Yesus Kristus menawarkan perlindungan dan Dia memimpin para pengikut-Nya “ke meja kehidupan yang menggembirakan.” Elder [Taniela B. Wakolo](#) kelahiran Fiji, Penguasa Umum Tujuh Puluh memberi kesaksian bahawa “perhubungan yang paling berharga adalah bersama Bapa dan Putera, dan bersama keluarga kita sendiri kerana perhubungan kita bersama mereka adalah abadi.” Dia mengajar bahawa Bapa Syurgawi menyatakan kasih-Nya untuk anak-anak-Nya dengan menyediakan hubungan abadi, memanggil nabi dan menegur bila perlu. Elder [Chi Hong \(Sam\) Wong](#), seorang Penguasa Umum Tujuh Puluh yang lahir di Hong Kong, mengingatkan bahawa “kita mungkin tidak boleh mengubah semua hal yang akan datang, tetapi kita boleh memilih cara kita bersedia bagi apa yang datang.” Elder [Michael John U. Teh](#), seorang kelahiran Filipina, Penguasa Umum Tujuh Puluh, memberi kesaksian bahawa mengenali Juruselamat adalah pencarian terpenting dalam hidup kita, dan itu berbeza daripada tahu *tentang* Juruselamat.

Sesi Petang Hari Ahad



Presiden Russell M. Nelson mengumumkan 20 buah bait suci baharu yang akan dibina di seluruh dunia. “Kami sekarang membina untuk masa depan!” Lokasi-lokasi ini adalah: Oslo, Norway, Brussels, Belgium, Vienna, Austria, Kumasi, Ghana, Beira, Mozambique, Cape Town, Afrika Selatan, Singapura, Republik Singapura, Belo Horizonte, Brazil, Cali, Colombia, Querétaro, México, Torreón, México, Helena, Montana, Casper, Wyoming, Grand Junction, Colorado, Farmington, New Mexico, Burley, Idaho, Eugene, Oregon, Elko, Nevada, Yorba Linda, California, Smithfield, Utah. Pada masa ini, 41 buah bait suci sedang dalam pembinaan atau pengubahsuaian dan tanah telah dipecah untuk 21 buah bait suci baharu tahun lalu.

Presiden [Dallin H. Oaks](#) dari Presidensi Utama dalam ucapannya memberi kesaksian tentang Perlembagaan Amerika Syarikat yang diilhami ilahi dan mendorong para ahli untuk menegakkan dan mempertahankan asasnya. Elder [Ronald A. Rasband](#) mengajarkan bahawa “Tuhan melaksanakan mukjizat untuk mengingatkan kita tentang kuasa-Nya, kasih-Nya, jangkauan-Nya dari syurga ke pengalaman fana kita, dan hasrat-Nya untuk mengajar apa yang paling bernilai.” Elder [Timothy J. Dyches](#) Penguasa Umum Tujuh Puluh memberi kesaksian bahawa cahaya rohani Juruselamat sama pentingnya dengan cahaya matahari untuk semua kehidupan di Bumi. Cahaya Kristus, yang sering disebut hati nurani, membawa kepada penerimaan pengaruh Roh Kudus, yang merupakan sumber cahaya terbesar dari Bapa Syurgawi dalam kefanaan.

Elder [D. Todd Christofferson](#) mengajarkan bahawa “mengikuti asas dan perintah injil Yesus Kristus dari hari ke hari adalah jalan yang paling bahagia dan memuaskan dalam hidup.” Elder [Alan R. Walker](#), seorang Penguasa Umum Tujuh Puluh yang melayani di Guatemala, berucap dalam pesanan prarakamannya bahawa “apabila kita berkumpul di dua belah tirai, apabila kita membuat pengorbanan untuk melayani dan membuat bait suci penting dalam hidup kita, Tuhan sememangnya membina kita—Dia membina umat perjanjian-Nya.” Elder [David A. Bednar](#) menjemput Orang Suci Zaman Akhir untuk “belajar, menjalani, dan mengasihi asas-asas kesolehan.” Dia memberi kesaksian bahawa “hanya kebenaran injil dapat membolehkan kita untuk 'dengan riang melakukan segala hal yang berada dalam kuasa kita' untuk terus maju di jalan perjanjian dan untuk 'melihat keselamatan daripada Tuhan, dan untuk lengan-Nya didedahkan.”

Untuk menonton sesi hari Sabtu dan Ahad sepenuhnya, sila klik [sini](#).